



TERENGGANU INC

200601005493 (725242-P)



JAWATAN KOSONG

PENYELIA PENGURUSAN FASILITI DAN PEMBANGUNAN

Tanggungjawab:

- Mengendalikan kerja-kerja membaikpulih/ penyelenggaraan kecil elektrik, penyaman udara, paip dan lain-lain.
- Melakukan pemeriksaan harian di kawasan pejabat, peralatan elektrik, sistem paip dan penyelenggaraan bangunan pejabat.
- Membantu dalam memantau dan menyelia kerja-kerja pengurusan projek, ubahsuai bangunan, penyelenggaraan dan pembaikan yang dijalankan oleh kontraktor.
- Memastikan kerja penyelenggaraan mematuhi peraturan pihak berkuasa tempatan, keselamatan awam dan piawaian industri.
- Menyelaras dan menyediakan jadual untuk kerja-kerja penyelenggaraan.
- Menyimpan rekod dan dokumen berkaitan penyelenggaraan dan pembaikan mengikut Polisi & SOP Syarikat.
- Mengurus, membuat pembelian dan mengawal inventori alat ganti untuk penyelenggaraan bangunan.
- Memastikan penghantaran laporan dan dokumen lain yang diperlukan dilakukan tepat pada masanya.
- Menyelia kontraktor di bawah jabatan pentadbiran seperti kawalan keselamatan, perkhidmatan pembersihan, lif dan lain-lain.
- Mengadakan mesyuarat bulanan bersama-sama dengan kontraktor tetap dan menyediakan laporan untuk pengesahan atasan.
- Berhubung dengan Jabatan – Jabatan Kerajaan yang terlibat dengan urusan melibatkan pengurusan bangunan, lesen-lesen dan keselamatan seperti JKKP, Majlis Perbandaran, Bomba dan Jabatan-Jabatan lain yang berkaitan.
- Melaksanakan tugas lain yang diarahkan oleh pengurusan mengikut keperluan.

Kelayakan:

- Mempunyai sekurang-kurangnya Diploma dalam bidang Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Awam, Pengurusan Bangunan atau mana-mana sijil dalam bidang yang berkaitan.
- Memiliki sijil profesional seperti CIDB atau Intitusi Kemahiran lain adalah kelebihan bagi calon yang memohon.
- Mempunyai pengalaman dalam pengurusan dan penyelenggaraan bangunan.
- Mempunyai tahap kesihatan yang baik dan cergas untuk bekerja.

Calon yang berminat diminta untuk menghantar permohonan melalui e-mel ke career@terengganu-inc.com selewat-lewatnya pada 15 September 2024. Sila sertakan butiran peribadi lengkap, nombor telefon, serta gambar saiz pasport.

Hanya calon yang disenarai pendek sahaja akan dihubungi.